

Terbitan: Berita Harian

Tarikh: 13 Jun 2025

M/S: 17



Aminul Izmeer (kanan) menunjukkan gambar dadah yang dirampas pada sidang media di Menara Kastam Johor, semalam. (Foto BERNAMA)

Kastam Johor patah cubaan sindiket edar dadah bernilai hampir RM1 juta

Johor Bahru: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor mematahkan cubaan sindiket pengedaran dadah menggunakan kurier seberat 10.194 kilogram (kg) bernilai RM955,687, di sini, pada April lalu.

Pengarah Kastam Johor, Aminul Izmeer Mohd Sohaimi, berkata dalam operasi pada jam 3.35 petang, 23 April lalu, pasukan penguat kuasa melakukan pemeriksaan ke atas dua kotak bungkusan beralamat dari Hong Kong di sebuah pusat mel dan kurier, dekat sini.

"Hasil pemeriksaan terhadap setiap kotak itu, pasukan kita menjumpai dua bungkusan gula-gula diletakkan di atas satu botol putih mengandungi cecair berwarna hitam.

"Ujian dan saringan awal ter-

hadap cecair hitam itu mendapati ia dadah morfin," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Aminul Izmeer berkata, dua kotak itu dialamatkan kepada seorang penama di rumah teres dua tingkat di Pulai, Johor dan diikrarkan sebagai makanan.

Bagaimanapun, katanya, status pemilikan rumah itu masih dalam siasatan dan usaha mengesan sindiket serta pemilik bungkusan itu sedang giat dilakukan.

Katanya, pada tahun ini sahaja sebanyak lima kes pengedaran dadah menggunakan kurier direkodkan di negeri ini yang turut membabitkan dadah seperti ganja.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya. BERNAMA